



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Manual Penemuramah Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan

Semakan Pertama 2022

Manual ini adalah adaptasi dari Manual Penemuramah Autopsi Lisan yang digunakan dalam *Study on Determination of Cause of Deaths in Malaysia* oleh Institut Kesihatan Umum: NMRR-13-1369-18689 (IIR)

Editors untuk adaptasi dari Manual Penemuramah Autopsi Lisan Semakan Pertama 2022:

1. Dr Nor Saleha Ibrahim Tamin*
2. Dr Siti Norain Salahuddin*
3. KJ Khursiah Razali*

*Unit Pencegahan dan Kawalan Kanser, Cawangan NCD, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia

Diterbitkan oleh :

Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya
<http://www.moh.gov.my>

Hakcipta © Kementerian Kesihatan Malaysia

ISBN:

e ISBN 978-967-2469-48-3



KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	1
1.1 APAKAH ITU VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN	1
2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENEMURAMAH VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN	1
2.1 PERSETUJUAN DAN KERAHSIAAN	2
3. ISU-ISU PENTADBIRAN DAN ARAHAN UMUM	3
3.1 PEKELILING	3
3.2 Surat pemakluman temuramah boleh dijalankan secara panggilan telefon	3
3.3 PERALATAN YANG DIPERLUKAN:	3
3.4 KEMATIAN BAWAH UMUR 5 TAHUN DAN KEMATIAN IBU (<i>MATERNAL DEATH</i>)	4
3.5 PENYELARASAN	4
4. PEMILIHAN WARIS / PEMAKLUM	4
MENDAPATKAN KEPERCAYAAN DAN KERJASAMA WARIS / PEMAKLUM	4
4.1 BAGAIMANA UNTUK MEMILIH WARIS / PEMAKLUM YANG TERBAIK	5
4.2 BAGAIMANA UNTUK MEMULAKAN INTERAKSI DENGAN WARIS / PEMAKLUM	5
4.3 MEMILIH SUASANA YANG SESUAI UNTUK TEMURAMAH	6
4.4 BAGAIMANA BERHADAPAN DENGAN WARIS / PEMAKLUM YANG SUKAR MEMBERI KERJASAMA	6
4.5 BAGAIMANA BERHADAPAN DENGAN PEMERHATI SEMASA TEMURAMAH	6
4.6 APA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA TIADA WARIS / PEMAKLUM ATAU WARIS / PEMAKLUM ENGGAN DITEMURAMAH	7
4.7 MASALAH BAHASA	7
4.8 BAGAIMANA UNTUK MENJAWAB SOALAN ATAU PERTANYAAN LAZIM BERKAITAN SISTEM VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN INI	8
5. BAGAIMANA MENJALANKAN TEMURAMAH	9
5.1 MEMPERKENALKAN DIRI ANDA SEBAGAI PENEMURAMAH	9
5.2 MENGEKALKAN <i>EYE CONTACT</i>	9
5.3 MEMBINA HUBUNGAN DENGAN WARIS / PEMAKLUM	10
5.4 BAGAIMANA UNTUK MEMBACA SOALAN-SOALAN	10

5.5 CORAK LANGKAUAN DAN SEKSYEN KHUSUS	10
5.6 ARAHAN-ARAHAN AM UNTUK MELENGKAPKAN BORANG SOAL SELIDIK VERIFIKASI PENYEBAB KEMATIAN DI MALAYSIA	11
6. ARAHAN SOALAN UNTUK SEKSYEN A, SEKSYEN B, SEKSYEN C DAN SEKSYEN D	12
7. ARAHAN SOALAN UNTUK BORANG SOAL SELIDIK VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA (ATAS 12 TAHUN) – eVA 01/2017	17
8. ARAHAN SOALAN UNTUK BORANG SOAL-SELIDIK VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA (BAWAH 12 TAHUN) - eVA 02/2017 pindaan 01/2022	46
9. GLOSARI ISTILAH	59
10. LAMPIRAN	61

MANUAL PENEMURAMAH VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN

1. PENDAHULUAN

Manual ini bertujuan untuk memberi maklumat yang diperlukan oleh penemuramah Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan dalam menjalankan temuramah secara sistematik untuk memastikan kesahihan (validiti) dan kebolehulangan (reliabiliti) maklumat-maklumat yang diperolehi. Ianya akan menerangkan secara terperinci tugas dan tanggungjawab penemuramah di lapangan dan digunakan sebagai bahan latihan dan rujukan bagi menjalankan temuramah.

1.1 APAKAH ITU VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN

Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan adalah aktiviti temuramah menggunakan borang soal selidik yang akan dijalankan kepada waris / pemaklum yang mengenali si mati (terutama sekali ahli keluarga terdekat) secara mendalam. Ianya bertujuan untuk mendapatkan secara kasar penyebab kematian apabila tiada maklumat berkaitan perkara tersebut. Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan tidak bertujuan untuk menggantikan sijil kematian yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dalam sesebuah komuniti. Selain daripada itu, terdapat beberapa penyebab kematian yang sukar untuk dipastikan menggunakan Verifikasi Data Penyebab Kematian (sebagai contoh malaria di kalangan kanak-kanak). Walaubagaimanapun, kekurangan ini tidak sepatutnya menjadi penghalang untuk Verifikasi Data Penyebab Kematian digunakan sebagai salah satu sumber untuk menentukan penyebab kematian dalam komuniti.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENEMURAMAH VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN

Sebagai penemuramah, anda perlu:

- a) Mendapatkan senarai kematian yang berlaku dalam kawasan anda daripada penyelarasa Daerah/Kawasan/Bahagian (PKD/PKK/PKD).
- b) Menghubungi keluarga si mati untuk mendapatkan tarikh temujanji bagi

menjalankan temuramah menggunakan Borang Soal-selidik Verifikasi Penyebab Kematian di Malaysia (borang eVA 01/2017 dan eVA 02/2017 pindaan 01/2022) melalui:

- i. panggilan telefon (sekiranya terdapat maklumat nombor telefon di senarai kematian yang diterima dari PKD/PKK/BKP), ATAU
 - ii. melawat keluarga si mati di rumah (sekiranya tidak ada maklumat nombor telefon disenarai kematian diterima dari PKD/PKK/PKB)
- c) Menjalankan temuramah dengan ahli keluarga si mati melalui panggilan telefon ATAU bersemuka pada tarikh yang telah dipersetujui bersama dan melengkapkan keseluruhan borang soal selidik yang disediakan.
 - d) Menghantar e-borang soal selidik yang telah dilengkapkan kepada Pegawai Penentu Sebab Kematian menggunakan sistem VeDa.

2.1 PERSETUJUAN DAN KERAHSIAAN

Persetujuan bermaksud waris / pemaklum bersetuju untuk ditemuramah. Sekiranya waris / pemaklum tidak bersetuju, penemuramah perlu menghormati keputusan mereka dan tidak perlu meneruskan temuramah.

Semua anggota kesihatan yang terlibat dalam menjalankan sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan perlu memastikan kerahsiaan maklumat si mati pada setiap waktu. Oleh itu, amatlah penting untuk merahsiakan segala maklumat yang diperolehi semasa menjalankan temuramah. Anda tidak dibenarkan untuk membincangkan, bercakap atau menunjukkan borang temuramah anda dengan individu yang tidak berkaitan. Anda juga perlu mengisi sendiri borang soal-selidik dan menjaga borang soal selidik yang telah lengkap dengan berhati-hati agar tidak dapat dilihat oleh individu yang tidak berkaitan.

Aktiviti menemuramah waris / pemaklum bukanlah satu perkara yang mudah. Seringkali anda akan mendapati bahawa perkembangan dan perjalanan kerja anda adalah tidak mengikut jadual yang telah ditetapkan walaupun anda telah mencuba sebaik mungkin untuk menyiapkan segala tugas. Anda tidak harus berputus asa. Jangan sesekali memalsukan maklumat dengan mengisi sendiri borang soal selidik sedangkan proses temuramah tidak dilaksanakan. Data tidak mempunyai sebarang nilai apabila ianya tidak tepat atau palsu. Pelbagai kawalan kualiti akan dilaksanakan untuk memastikan data yang diperolehi adalah sah.

Selain dari itu, aktiviti temuramah Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan ini adalah satu perkara yang mungkin sensitif kepada waris / pemaklum. Penemurah perlu memerhatikan perkara tersebut dan memberhentikan seketika aktiviti temuramah jika perkara tersebut berlaku.

3. ISU-ISU PENTADBIRAN DAN ARAHAN UMUM

3.1 PEKELILING

Pelaksanaan sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan ini adalah berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 6/2017. Sila rujuk Lampiran 1.

3.2 SURAT PEMAKLUMAN TEMURAMAH BOLEH DIJALANKAN SECARA PANGGILAN TELEFON

Surat pemakluman temuramah Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan boleh dijalankan secara panggilan telefon telah dikeluarkan kepada Pengarah Kesihatan Negeri, tarikh 27 November 2020, rujukan KKM.600-29/5/49 (44). Sila rujuk Lampiran 2.

3.2 PERALATAN YANG DIPERLUKAN:

Peralatan-peralatan yang diperlukan semasa menjalankan aktiviti temuramah waris / pemaklum adalah:

- a) Maklumat si mati yang dimuatnaik naik ke dalam system VeDa oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN dan boleh terus dicapai oleh Pegawai Penyelaras di PKD/PKK/PKB.
- b) Komputer dan internet untuk mengakses Sistem VeDa
- c) Buku Panduan dan Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan (untuk rujukan sekiranya diperlukan)

3.4 KEMATIAN BAWAH UMUR 5 TAHUN DAN KEMATIAN IBU (MATERNAL DEATH)

Bagi kes kematian di bawah umur 5 tahun dan kematian ibu, tidak perlu dilakukan verifikasi data penyebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan. Penyebab kematian hendaklah menggunakan hasil siasatan oleh Jawatankuasa khas di bawah pihak Kesihatan Ibu dan Anak (MCH).

3.3 PENYELARASAN

Semua aktiviti penemuramah dan hasil temuramah akan sentiasa diselia oleh Pegawai Penyelaras yang dilantik oleh Pegawai Kesihatan Daerah masing-masing.

4. PEMILIHAN WARIS / PEMAKLUM

4.1 MENDAPATKAN KEPERCAYAAN DAN KERJASAMA WARIS / PEMAKLUM

Untuk memastikan bahawa waris / pemaklum akan memberikan kerjasama sepenuhnya (dengan memberikan maklumat yang tepat) semasa temuramah dilaksanakan, anda perlu terlebih dahulu mendapatkan kepercayaan waris / pemaklum. Oleh itu, anda perlulah menunjukkan sikap yang profesional dan mesra dalam menjalankan tugas / temuramah sama ada secara secara panggilan telefon atau bersemuka.

Sekiranya secara bersemuka, penampilan anda juga merupakan perkara yang sangat penting. Anda dinasihatkan untuk memakai pakaian seragam atau pakaian rasmi pejabat dan menggunakan kenderaan jabatan semasa menjalankan temuramah. Pastikan penampilan dan pakaian anda adalah kemas dan bersih. Anda juga perlu berinteraksi dengan waris / pemaklum dalam suasana yang mesra dan profesional.

Anda perlu meyakinkan waris / pemaklum bahawa kerahsiaan maklumat si mati yang diberikan oleh mereka adalah terjamin dan tiada sebarang maklumat yang akan didedahkan kepada individu yang tidak berkaitan.

4.2 BAGAIMANA UNTUK MEMILIH WARIS / PEMAKLUM YANG TERBAIK

Waris / pemaklum adalah individu utama yang akan memberikan maklumat berkaitan si mati. Seboleh-bolehnya beliau adalah orang yang ada bersama si mati pada saat kematian berlaku. Kebiasaannya ketua keluarga atau pasangan si mati (suami atau isteri) adalah individu terbaik untuk menjadi waris / pemaklum bagi temuramah ini. Sekiranya kematian melibatkan bayi atau kanak-kanak, ibu si mati merupakan individu terbaik untuk ditemuramah. Sekiranya mereka tiada pada masa lawatan kali pertama, penemuramah perlu mendapatkan temujanji untuk bertemu dan menemuramah mereka pada tarikh dan masa yang sesuai. Sekiranya mereka tiada di dalam kawasan atau berada di kawasan luar, anda bolehlah menemuramah ahli keluarga atau saudara mara yang paling tua (di kalangan mereka yang berumur 18 tahun ke atas). Sekiranya itu juga tiada, maka bolehlah temuramah dijalankan ke atas lain-lain individu (18 tahun ke atas), yang bukan saudara-mara kepada si mati tetapi rapat atau tinggal bersama si mati.

Susunan keutamaan waris / pemaklum adalah seperti berikut:

- a) Ketua isi rumah atau pasangan (suami atau isteri) si mati
- b) Ibu bapa (sebaiknya ibu) atau penjaga
- c) Ahli keluarga atau saudara terdekat yang paling tua (berumur sekurang-kurangnya 18 tahun)
- d) Bukan saudara-mara kepada si mati tetapi rapat atau tinggal bersama si mati (berumur sekurang-kurangnya 18 tahun)

4.3 BAGAIMANA UNTUK MEMULAKAN INTERAKSI DENGAN WARIS / PEMAKLUM

Pastikan anda memulakan interaksi secara positif. Jangan menggunakan pendekatan seperti berikut “Adakah anda sibuk?” atau “Bolehkah anda meluangkan masa antara 15 hingga 30 minit?”. Anda sepatutnya menunjukkan rasa simpati atau mengucapkan takziah ke atas kematian sebelum memulakan temuramah seperti berikut: “Saya ingin bertanya beberapa soalan kepada anda (tuan/puan/encik/cik)” atau “Saya ingin berbual dengan anda (tuan/puan/encik/cik) untuk seketika”. Namun, sekiranya waris / pemaklum memberi jawapan bahawa mereka tidak mahu ditemuramah dan berbual dengan anda, anda perlu akur dan menghormati keputusan tersebut.

Anda perlu menanyakan waris / pemaklum masa dan tarikh yang sesuai untuk anda datang semula dan menjalankan temuramah. Sekiranya waris / pemaklum bertanya sebarang persoalan, jawablah soalan tersebut dengan betul, jujur dan setakat kemampuan anda.

4.4 MEMILIH SUASANA YANG SESUAI UNTUK TEMURAMAH

Suasana yang terbaik untuk menjalankan temuramah adalah di satu sudut rumah yang mana anda dan waris / pemaklum dapat berinteraksi dengan agak ‘sulit’ dan tanpa gangguan. Walaubagaimanapun, anda perlu bersedia dengan keadaan di mana lain-lain ahli keluarga juga akan turut serta berada berhampiran anda semasa temuramah dijalankan. Jika keadaan ini berlaku, cuba hadkan atau kurangkan bilangan ahli keluarga yang akan turut serta dalam temuramah.

4.5 BAGAIMANA BERHADAPAN DENGAN WARIS / PEMAKLUM YANG SUKAR MEMBERI KERJASAMA

Terdapat banyak keadaan di mana waris / pemaklum akan merasa marah dan enggan menjawab soalan anda semasa temuramah dijalankan. Jika perlu, tekankan kepada waris / pemaklum berkaitan kerahsiaan maklumat yang diberikan oleh beliau. Sebagai contoh, terangkan kepada waris / pemaklum bahawa tiada nama individu yang akan didedahkan atau digunakan dalam sebarang keadaan. Sekiranya waris / pemaklum enggan memberikan kerjasama:

- a) Ambil masa seketika dan cuba bercakap dengan waris / pemaklum serta bertanya beberapa soalan.
- b) Menjadualkan semua lawatan ke rumah / panggilan telefon tersebut dan menyelesaikan atau menamatkan temuramah yang tertangguh.

4.6 BAGAIMANA BERHADAPAN DENGAN PEMERHATI SEMASA TEMURAMAH

Akan terdapat beberapa keadaan di mana anda akan berhadapan dengan lebih dari seorang individu semasa temuramah dijalankan. Sebagai contoh, suami waris / pemaklum akan hadir bersama semasa temuramah berkaitan anak mereka dijalankan, atau mungkin ibu mentua memohon untuk hadir sama. Selain dari itu, jiran tetangga juga mungkin berminat untuk turut sama memerhatikan temuramah yang sedang dijalankan. Dalam keadaan begini, adalah mustahak untuk menerangkan kepada waris / pemaklum berkaitan

kerahsiaan dan privasi temuramah. Antaranya, anda boleh:

- a) Mencadangkan agar temuramah dilaksanakan di tempat lain
- b) Memohon agar individu selain dari waris / pemaklum meninggalkan sesi temuramah tersebut dan hanya datang semula apabila temuramah selesai.
- c) Menjadualkan semua lawatan ke rumah tersebut dan menyelesaikan atau menamatkan temuramah yang tertangguh.

4.7 APA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA TIADA WARIS / PEMAKLUM ATAU WARIS / PEMAKLUM ENGGAN DITEMURAMAH

Jika waris / pemaklum yang berkaitan (seperti yang diterangkan di atas) tidak dapat dijumpai, anda perlu bertanyakan kepada lain-lain ahli keluarga atau jiran tetangga bilakah anda boleh berjumpa dengan waris / pemaklum tersebut. Tinggalkan pesanan bahawa anda akan datang semula apabila waris / pemaklum tersebut telah berada di rumah. Jangan lupa untuk mencatatkan tarikh temuramah di dalam buku nota persendirian anda.

Anda perlu melakukan sekurang-kurangnya tiga kali panggilan telefon ATAU tiga kali lawatan ke kediaman waris /pemaklum. Sekiranya selepas tiga kali cubaan panggilan telefon / lawatan, anda masih gagal bertemu dengan waris / pemaklum yang sepatutnya, maka anda boleh menamatkan cubaan panggilan / meninggalkan rumah waris si mati tanpa menjalankan temuramah dan memaklumkan kepada Pegawai Penyelaras anda. Temuramah tidak sepatutnya dijalankan ke atas individu yang tidak layak, contoh; kanak-kanak atau waris yang tidak menjaga si mati diakhir hayatnya.

4.8 MASALAH BAHASA

Anda mungkin akan mengalami masalah bahasa semasa menjalankan temuramah. Mungkin terdapat dialek bahasa yang anda tidak fahami. Sekiranya isi rumah atau waris / pemaklum bercakap dalam bahasa yang tidak anda fahami, anda perlu cuba mencari penterjemah di kalangan ahli isi rumah. Jika tiada penterjemah di dalam rumah tersebut, sila berhubung dengan Pegawai Penyelaras anda. Pegawai Penyelaras anda mungkin akan mendapatkan bantuan dari lain-lain anggota yang boleh bertindak sebagai penterjemah / penemuramah.

4.9 BAGAIMANA UNTUK MENJAWAB SOALAN ATAU PERTANYAAN LAZIM BERKAITAN SISTEM VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN INI

Terdapat beberapa soalan lazim yang sering ditanyakan oleh waris / pemaklum. Antara soalan tersebut adalah:

Soalan: Siapakah yang mendapat faedah dari Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan ini?

Jawapan : Maklumat yang diperolehi dalam Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan ini akan dapat digunakan oleh pihak kerajaan terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam merancang dan membuat polisi atau program untuk mencegah penyakit serta mengurangkan kematian pra-matang yang berlaku di Malaysia. Maklumat ini juga dapat digunakan untuk membuat unjuran keperluan tenaga pakar dalam bidang kesihatan.

Soalan: Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan ini hanya membazirkan masa dan wang sahaja.

Jawapan: Verifikasi Data Penyebab Kematian melalui temuramah yang dijalankan adalah kaedah yang paling “efektif dari segi kos” dalam memastikan data dan maklumat yang diperolehi adalah berkualiti tinggi. Tanpa data dan maklumat tersebut, pihak pembuat polisi atau dasar tidak akan dapat membuat perancangan dan polisi yang bersesuaian untuk kepentingan penduduk Malaysia. Data-data ini akan membolehkan kadar kematian mengikut umur, jantina dan sebab kematian dikira. Kerjasama dari anda akan dapat menjadikan data yang lebih lengkap diperolehi.

Soalan: Saya tidak mempunyai masa untuk temuramah.

Jawapan: Temuramah ini hanya melibatkan beberapa soalan berkaitan kematian ahli keluarga anda. Pelbagai usaha telah dirancang agar masa diperlukan adalah paling minima dan juga sebarang ketidakelesaian dapat dikurangkan. Kerjasama anda adalah amat penting dalam memastikan maklumat yang tepat berkaitan kematian ahli keluarga tersebut dapat diperolehi.

Soalan: Bagaimana saya ingin memastikan kerahsiaan maklumat yang diberi?

Jawapan: Sebagai penemuramah, saya dilarang untuk berkongsi maklumat yang diperolehi. Selain dari itu, kesemua anggota di semua peringkat telah diarahkan agar memastikan kerahsiaan maklumat yang diterima oleh mereka adalah terpelihara. Maklumat yang anda berikan akan dikumpulkan bersama-sama maklumat dari waris / pemaklum lain dan hanya akan dimuktamadkan secara berkumpulan di peringkat Ibu Pejabat KKM. Maklumat berkaitan si mati dan waris / pemaklum secara individu tidak akan didedahkan.

5. BAGAIMANA MENJALANKAN TEMURAMAH

5.1 MEMPERKENALKAN DIRI ANDA SEBAGAI PENEMURAMAH

Pengenalan diri adalah sangat penting. Sekiranya temuramah dijalankan secara bersemuka, pastikan anda memakai tanda nama jabatan (name-tag). Memandangkan waktu membuat panggilan telefon / lawatan adalah sangat sensitif kerana kemungkinan ada ahli keluarga yang masih berkabung, adalah amat mustahak untuk penemuramah bersifat sopan semasa memperkenalkan diri.

Berikut adalah contoh pengenalan diri yang boleh anda gunakan.

Nama saya ialah [sebutkan nama anda]. Saya merupakan (nyatakan jawatan dan tempat bertugas anda). Saya difahamkan bahawa salah seorang ahli keluarga anda telah meninggal dunia. Saya turut bersimpati dengan kehilangan tersebut. Untuk tujuan meningkatkan penjagaan dan perkhidmatan kesihatan di Malaysia, kami perlu menjalankan soal-selidik untuk mendapatkan maklumat berkaitan kematian yang berlaku di rumah (disahkan oleh Polis). Sehubungan dengan itu, saya ingin berbual dan bertanyakan soalan berkaitan keadaan kesihatan [sebutkan nama si mati] yang membawa kepada kematian beliau.

5.2 MENGEKALKAN *EYE CONTACT*

Sekiranya termuramah dijalankan secara bersemuka, pastikan anda sentiasa memandang waris / pemaklum sepanjang temuramah dijalankan. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa waris / pemaklum selesai dengan kehadiran anda untuk menyelesaikan temuramah ini.

5.3 MEMBINA HUBUNGAN DENGAN WARIS / PEMAKLUM

Adalah amat penting untuk anda membina hubungan yang baik bersama waris / pemaklum sebelum membincangkan berkaitan si mati dengan mereka. Terangkan berkaitan temuramah yang akan dijalankan dan cuba menjawab setiap persoalan yang diajukan oleh waris / pemaklum dengan jujur.

5.4 BAGAIMANA UNTUK MEMBACA SOALAN-SOALAN

Baca setiap soalan dengan lengkap dan tepat sebagaimana ia ditulis pada borang soal selidik. Adalah penting untuk anda membaca soalan dengan perlahan-lahan dan jelas supaya waris / pemaklum dapat memahaminya. Untuk soalan pelbagai pilihan, baca setiap pilihan jawapan secara perlahan-lahan dan berhati-hati.

Jika waris / pemaklum tidak dapat menjawab soalan atau kelihatan tidak selesai dengan soalan yang diajukan, anda boleh melakukan “siasatan” untuk mendapatkan jawapan. Ini bermaksud menanyakan soalan-soalan yang hampir sama dengan soalan yang berkaitan untuk membantu waris / pemaklum mengingat sesuatu keadaan. Sebagai contoh, jika waris / pemaklum tidak dapat mengingat siapa yang menyambut kelahiran bayi, anda boleh cuba dengan menanyakan soalan seperti berikut “Siapakah yang ada bersama anda semasa proses kelahiran”. Gunakan pertimbangan anda semasa melakukan proses “siasatan”. Ingat, ini ada masa yang sangat sensitif kepada waris / pemaklum dan kita tidak mahu mengeruhkan lagi suasana.

5.5 CORAK LANGKAUAN DAN SEKSYEN KHUSUS

Terdapat banyak corak langkauan pada borang soal selidik. Pastikan anda membaca arahan dengan teliti untuk mengelak pengulangan soalan kepada waris / pemaklum. Jika anda keliru semasa temuramah atau terlepas seksyen tertentu, cuba untuk kembali ke seksyen tersebut pada akhir temuramah.

Untuk makluman, Borang Soal Selidik Verifikasi Penyebab Kematian Di Malaysia (Atas 12 Tahun) mempunyai seksyen khusus pada Kesihatan Wanita bagi kematian wanita sahaja.

5.6 ARAHAN-ARAHAN AM UNTUK MELENGKAPKAN BORANG SOAL SELIDIK VERIFIKASI PENYEBAB KEMATIAN DI MALAYSIA

1. Baca semua soalan dengan tepat seperti yang ditulis. Ini akan memastikan semua waris / pemaklum ditanya soalan dengan cara yang sama.
2. Beberapa soalan mengandungi beberapa perkataan dalam kurungan, contohnya "... [/ beliau] ..." atau "[Adakah anda / Adakah <NAMA> ibu] ..." Baca sama ada kata-kata sebelum atau selepas garis condong (slash), bergantung kepada kesesuaian semasa temuramah.
3. Beberapa soalan mengandungi lebih daripada satu jawapan. Ikut arahan pada setiap soalan yang memberitahu anda samada untuk membaca atau tidak pilihan jawapan untuk waris / pemaklum. Arahan di dalam soal selidik ditulis dalam huruf condong (*italics*).
4. Rekodkan tarikh dalam ruang yang disediakan:
hh = hari bulan (jika kurang daripada "10", maka angka pertama adalah "0")
bb = bulan tahun ini (Januari = 01, Februari = 02, = 03 Mac, April = 04, = Mei 05, Jun = 06, Julai = 07, Ogos = 08, September = 09 Oktober = 10, November = 11 dan Disember = 12)
tttt = tahun (sebagai contoh, "tttt" bagi tahun 2006 ialah "2006").
5. Rekodkan Bulan, Hari, Jam dan Minit, dengan menggunakan:
1 Bulan = 28 Hari
1 Hari = 24 jam
6. Terdapat beberapa jawapan memerlukan maklumat yang lebih khusus (contohnya, "lain-lain (nyatakan) _____". Rekodkan jawapan waris / pemaklum (contohnya, "pusat kesihatan" atau "abang").

***** Perhatikan bahawa waris / pemaklum akan lebih cenderung untuk memberikan jawapan yang mereka fikir akan memuaskan / menyenangkan penemuramah. Oleh itu, adalah amat penting bahawa anda kekal neutral terhadap perkara yang terdapat dalam temuramah. Jangan tunjukkan apa-apa kejutan, penerimaan atau penolakan jawapan waris / pemaklum dengan nada suara atau ekspresi muka.

6. ARAHAN SOALAN UNTUK SEKSYEN A, SEKSYEN B, SEKSYEN C DAN SEKSYEN D

Helaian depan / muka surat depan perlu dilengkapkan.

Seksyen A: Latar belakang tentang si mati

Seksyen B: Latar belakang temuramah

Seksyen C: Persetujuan

Seksyen D: Maklumat waris /pemaklum

Jika lebih daripada satu waris / pemaklum ditemuramah, penemuramah perlu mengisi maklumat untuk setiap waris / pemaklum baru dan tuliskan pada muka surat depan pada bahagian yang telah dijawab oleh waris / pemaklum baru. Ingat, setiap waris / pemaklum baru mesti sekurang-kurangnya berumur 18 tahun.

SEKSYEN A: LATAR BELAKANG SI MATI

1.1 Tarikh lahir (jika diketahui)

Catatkan tarikh lahir si mati berdasarkan No. Kad Pengenalan yang tercatat di dalam Senarai Pendaftaran Kematian yang diterima dari JPN. Jika tidak ada (contoh; kad pengenalan lama), anda juga boleh meminta tarikh lengkap kelahiran si mati daripada waris / pemaklum. Lazimnya waris / pemaklum, terutamanya orang dewasa, tahu tahun mereka dilahirkan tetapi tidak umur mereka. Jika tarikh lahir penuh tidak diketahui, maka tahun kelahiran sudah mencukupi dan hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan. Sebagai contoh, jika tahun kelahiran tahun 1954, tuliskan:

___/___/1954

Jika tarikh lahir tidak diketahui, tetapi umur diketahui, anda boleh mengira tahun dengan menolak umur dari tahun kematian dan isikan tahun yang diperolehi dalam ruang yang disediakan.

Jika tarikh lahir si mati atau umur tidak diketahui, anda boleh menanyakan waris / pemaklum jika dia mengingat apa-apa peristiwa bersejarah (di kampung, daerah, wilayah, negara, atau dunia) yang boleh dikaitkan dengan tahun si mati dilahirkan. Gunakan kalendar peristiwa bersejarah untuk membantu anda membuat anggaran tarikh kelahiran si mati.

1.2 Nama si mati (jika lebih daripada 1 bulan)

Rekodkan nama si mati. Dalam keadaan tertentu, sebagai contoh jika si mati adalah seorang kanak-kanak berumur kurang daripada 1 bulan, nama mungkin belum ditetapkan. Dalam hal ini anda boleh membiarkan kosong.

1.3 Nama ibu (jika meninggal kurang daripada 12 tahun)

Jika kematian berusia kurang daripada 12 tahun, catatkan nama ibu.

1.4 Nama bapa (jika meninggal kurang daripada 12 tahun)

Jika kematian berusia kurang daripada 12 tahun, catatkan nama bapa.

1.5 Jantina si mati

Jantina hendaklah direkodkan dengan teliti. Rekodkan "Lelaki" jika si mati adalah seorang budak lelaki atau lelaki dewasa. Rekod "Perempuan" jika si mati adalah seorang budak perempuan atau perempuan dewasa. Tandakan pada satu pilihan jawapan: 1. Lelaki; 2. Perempuan.

1.6 Tarikh kematian

Isikan tarikh, bulan, dan tahun kematian di ruang yang disediakan. Sebagai contoh, jika waris / pemaklum memberitahu anda bahawa si mati meninggal dunia pada 15 Mei, 2006, tuliskan tarikh ini seperti berikut: 15/05/2006

1.7 Umur terakhir si mati yang diketahui

Tanyakan waris / pemaklum umur terakhir si mati yang diketahui. Jika si mati meninggal kurang daripada satu bulan, rekodkan bilangan hari sahaja. Jika si mati meninggal kurang daripada satu tahun, catatkan bilangan bulan sahaja. Jika si mati telah meninggal satu tahun atau lebih, catatkan bilangan tahun sahaja. Rekod "00" hari jika si mati telah meninggal kurang daripada 1 hari.

1.8 Apakah status perkahwinan si mati?

Tanya waris / pemaklum status perkahwinan si mati pada masa kematian. Jika si mati adalah layak untuk berkahwin, tanya waris / pemaklum: "Apakah status perkahwinan (nama si mati)?" Kodkan jawapan waris / pemaklum kepada salah satu daripada kategori berikut: Tandakan pada satu pilihan jawapan: 1. Bujang; 2. Berkahwin; 3. Janda/ Duda; 8. Enggan jawab; 5. Tidak tahu.

1.9 Tahap pendidikan terakhir si mati

Dapatkan maklumat terbaik tahap pendidikan terakhir si mati. Tandakan pada satu pilihan jawapan yang paling sesuai.

1.10 Pekerjaan terakhir si mati

Jika si mati pernah berkerja, tanyakan waris / pemaklum apakah pekerjaan terakhir yang dilakukan oleh si mati. Dapatkan jawapan terbaik. Tandakan pada satu pilihan jawapan yang paling sesuai.

SEKSYEN B. LATAR BELAKANG TEMURAMAH**2.1 Bahasa yang digunakan semasa temuramah.**

Tuliskan bahasa yang digunakan semasa temuramah dijalankan.

2.2 Nama Penemuramah

Tuliskan nama penuh anda.

2.3 Nombor ID penemuramah

Tuliskan No. Kad Pengenalan anda

2.4 Tarikh temujanji bagi sesi temuramah:**Tarikh cubaan temuramah pertama**

Catatkan tarikh kali pertama anda mencuba untuk menemubual waris / pemaklum.

Tarikh percubaan temuramah kedua

Rekodkan maklumat ini sekiranya temuramah pertama gagal. Ini akan mengingatkan anda bila untuk kembali ke rumah di mana temuramah dijalankan.

Tarikh percubaan temuramah ketiga

Rekodkan maklumat ini sekiranya percubaan temuramah yang pertama dan kedua gagal. Ini akan mengingatkan anda bila untuk kembali menjalankan temuramah.

Tarikh temuramah berjaya dilengkapkan

Rekodkan tarikh temuramah yang berjaya.

Tarikh borang disemak oleh penyelaras

Tarikh ini akan direkodkan oleh penyelaras anda.

2.5 Alamat terakhir si mati

Tuliskan alamat terakhir si mati.

2.6 Lakarkan peta jika perlu

Jika perlu, anda boleh membuat lakaran tunjuk arah ke rumah tersebut.

SEKSYEN C. PERSETUJUAN

PENEMURAMAH: Sebelum memulakan temuramah, pastikan waris/pemaklum tidak keberatan dan bersetuju untuk ditemuramah. Jika jawapan adalah “Ya” teruskan ke Seksyen D. Jika jawapannya adalah “Tidak”, maka ucap terima kasih kepada waris / pemaklum atas masa yang telah diluangkan dan tamatkan temuramah.

SEKSYEN D: MAKLUMAT WARIS / PEMAKLUM**4.1 Nama waris / pemaklum utama**

Tanya nama waris / pemaklum. Anda boleh memanggil waris / pemaklum dengan nama tersebut semasa temuramah.

Ada kemungkinan waris / pemaklum yang ditemui tidak sama dengan nama yang terdapat di maklumat si mati yang diberikan oleh JPN. Terdapat pilihan untuk menukar nama waris di Sistem VeDa.

4.2 Alamat waris / pemaklum

Jika alamat waris / pemaklum tidak sama dengan alamat terakhir si mati, nyatakan alamat terkini waris / pemaklum.

4.3 No. Telefon waris / pemaklum

Nyatakan nombor telefon yang mudah dihubungi.

4.4 Apakah hubungan waris / pemaklum utama dengan si mati?

Tandakan satu pilihan jawapan sahaja: 1. Ibu ; 2. Bapa; 3. Nenek; 4. Datuk; 5. Makcik; 6. Pakcik; 7. Penyambut kelahiran 8. Lain-lain (sila nyatakan)

4.5 No. Kad Pengenalan waris / pemaklum utama

Nyatakan nombor kad pengenalan waris / pemaklum utama (baru atau lama)

4.6 Berapakah umur waris / pemaklum utama?

Ini adalah ruang 2 digit. Rekodkan umur dalam tahun, 1 digit bagi setiap ruang kosong.

4.7 Tahap pendidikan waris / pemaklum utama

Tandakan satu pilihan jawapan sahaja bagi tahap pendidikan waris / pemaklum utama.

4.8 Pekerjaan waris / pemaklum

Nyatakan pekerjaan waris / pemaklum. Ringkaskan penjelasan daripada waris / pemaklum.

4.9 Pendapatan bulanan isi rumah

Jumlahkan pendapatan bulanan setiap ahli rumah yang bekerja. Tandakan jawapan yang tergolong dalam kumpulan anggaran. Tandakan 8 jika waris / pemaklum enggan menjawab soalan ini.

4.10 Adakah terdapat kehadiran orang lain semasa temuramah dijalankan?

“Orang lain” ertinya sebagai tambahan kepada waris / pemaklum utama. Ia adalah penting untuk mengetahui jika sesiapa mungkin telah membantu waris / pemaklum menjawab soalan. Tandakan satu pilihan jawapan sahaja: 1. Ya, 2. No

Nota kepada penemuramah: *Anda kini telah selesai Helaian Muka Surat Depan Soal Selidik Verifikasi Penyebab Kematian di Malaysia. Untuk meneruskan temuramah dengan betul, anda mesti mengetahui umur sebenar si mati pada masa kematian. Rujuk kembali Seksyen 1 helaian muka depan jika anda tidak pasti umur si mati pada masa kematian.*

Pada masa ini, jika si mati berusia kurang daripada 12 tahun, mulakan dengan menemubual waris / pemaklum dengan menggunakan Borang Soal-selidik Verifikasi Penyebab Kematian di Malaysia (Bawah 12 Tahun) - VA 02/2017. Jika si mati adalah berusia 12 tahun atau lebih, mulakan dengan menemubual waris / pemaklum dengan menggunakan Borang Soal-selidik Verifikasi Penyebab Kematian di Malaysia (Atas 12 Tahun) VA 01/2017.

7. ARAHAN SOALAN UNTUK BORANG SOAL SELIDIK VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA (ATAS 12 TAHUN) – eVA 01/2017

NOTA KEPADA PENEMURAMAH: Muka surat hadapan perlu dilengkapkan terlebih dahulu.

SEKSYEN 1: RESPON “OPEN ENDED” DAN KOMEN SERTA PEMERHATIAN PENEMURAMAH

Seksyen ini perlu diisi dan tidak boleh dibiarkan kosong.

Minta waris / pemaklum merumuskan penyakit yang membawa kepada kematian si mati. Tuliskan sebarang maklumat yang diberitahu oleh waris / pemaklum dengan menggunakan ayat mereka sendiri.

Anda juga boleh menggunakan ruang ini untuk menulis komen dan pemerhatian anda tentang temuramah ini.

SEKSYEN 2: KECEDERAAN / KEMALANGAN

2.1 Adakah _____ mengalami kecederaan atau kemalangan seperti

.....

“kecederaan” bererti si mati tersebut tercedera oleh sesuatu di luar badan, contohnya satu tamparan fizikal atau jatuh. Ini termasuk kecederaan akibat kemalangan yang disengajakan dan kemalangan yang tidak disengajakan.

Benarkan waris / pemaklum untuk menjawab secara spontan. Jika waris / pemaklum mengalami kesulitan mengenal pasti kecederaan, sila baca senarai jawapan perlahan-lahan. TANDAKAN SEMUA JAWAPAN YANG BERKENAAN.

Jika waris / pemaklum tidak menjawab “Ya” kepada mana-mana, teruskan ke SEKSYEN 3.

2.2 Adakah kecederaan/kemalangan tersebut disengajakan oleh si mati?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9.Tidak tahu

2.3 Adakah kecederaan/ kemalangan tersebut disengajakan oleh orang lain?

Soalan ini memberikan maklumat tempoh berapa lama si mati tersebut terselamat selepas kecederaan untuk memutuskan berkemungkinan kecederaan itu membawa kepada kematian.

2.4 Berapakah tempoh masa antara kecederaan/ kemalangan sehingga kematian?

REKOD BILANGAN JAM ATAU HARI atau 8.Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu

SEKSYEN 3: SENARAI GEJALA

3.1 Berapa lamakah _____ sakit sebelum meninggal dunia?

Adalah penting untuk mengetahui tempoh penyakit ini bagi membantu menentukan apa yang menyebabkan dia meninggal dunia. REKOD BILANGAN BULAN ATAU HARI atau 8.Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu

3.2 Adakah _____ mengalami demam?

“Demam” ertinya bayi terasa panas apabila disentuh, atau suhu terlalu tinggi seperti yang diukur dengan termometer. Kami meminta ini kerana demam merupakan salah satu tanda jangkitan. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Yes 2. Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu

Jika “Tidak”, “Enggan untuk menjawab”, atau “Tidak Tahu” pergi kepada 3.11

3.3 Berapa lama _____ mengalami demam?

Soalan ini bertujuan untuk mengetahui betapa seriusnya demam tersebut. REKOD BILANGAN HARI atau 8.Enggan menjawab; 9. Jangan Tahu.

3.4 Bagaimanakah keadaan demam tersebut?

“Keterukan” demam bermaksud bagaimana teruk demam pada si mati, yang ditunjukkan oleh intensiti demam.

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Yes 2. Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu

3.5 Apakah corak demam tersebut?

“Corak” demam bermaksud berapa kerap dan sering demam berlaku. Ini membantu membezakan antara penyakit berjangkit yang mempunyai ciri-ciri corak demam. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Berterusan; 2. Sekali-sekala; 3. Hanya pada waktu malam; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

3.6 Semasa mengalami demam, adakah _____ berpeluh?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Yes 2. Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu

3.7 Jika “Ya”,

Tandakan kenyataan yang diberikan oleh waris / pemaklum. 1. Berpeluh malam dengan banyak; 2. Lain-lain, nyatakan; 3. Enggan menjawab; 4. Tidak tahu

3.8 Semasa mengalami demam, adakah _____ mengalami ruam?

“Ruam” adalah kulit tidak normal yang bukan luka atau lebam. Ia biasanya muncul sebagai koleksi bintik merah pada kulit, atau kadang-kadang sebagai noda merah atau tampalan pada kulit. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Yes 2. Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu

Jika “Tidak” atau “Enggan menjawab” atau “Tidak tahu” terus ke soalan 3.11

3.9 Berapa harikah _____ mengalami ruam?

Tempoh ruam memberi maklumat tahap keterukan dan juga sama ada masalah ini adalah sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian. REKOD BILANGAN HARI atau 8.Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu.

3.10 Di bahagian manakah ruam tersebut?

Adalah sangat penting untuk mengetahui di mana sebenarnya kedudukan ruam tersebut. Soalan ini juga membantu dalam menentukan sama ada masalah ini adalah sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Muka; 2. Sekitar bibir/ mulut; 3. Badan/abdomen; 4. Kaki; 5. Di mana-mana; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

3.11 Adakah _____ mengalami gatal-gatal kulit?

Gatal-gatal adalah tusukan sensasi pada kulit, dan menyebabkan untuk menggaru. Gatal-gatal biasanya, walaupun tidak selalu, dikaitkan dengan ruam kulit yang setempat. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya 2. Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu

3.12 Adakah _____ mempunyai ulser/ kudis?

Kudis adalah ulser kulit kronik yang tidak sembuh, dan berterusan dalam masa yang lama. Ia biasanya disebabkan oleh tekanan yang berterusan, contohnya seperti dihasilkan pada bahagian belakang badan akibat daripada terlantar terlalu lama di katil. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya 2. Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu

Jika “Tidak” atau “Enggan menjawab” atau “Tidak tahu” terus ke soalan 3.16.

3.13 Di bahagian manakah kudis/ulser tersebut?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA 1. Punggung 2. Kaki 8. Enggan menjawab 9. Tidak tahu. Jika terdapat dimana-mana bahagian, nyatakan bahagian tersebut.

3.14 Adakah kudis/ulser tersebut mengandungi cecair jernih atau nanah?


Jika hanya terdapat tiga punca kematian maka tamatkan temu bual tersebut, ucapkan terima kasih kepada waris / pemaklum bagi kerjasama mereka, dan teruskan ke seksyen 8.

7.15 Rekodkan keadaan-keadaan lain yang menyumbang kepada kematian daripada sijil tersebut.

Ini adalah senarai selepas penyebab ketiga kematian dalam senarai sebab-sebab kematian pada sijil tersebut. Masukkan punca penyumbang kepada kematian dalam ruang yang telah disediakan.

Jika tidak ada sebab-sebab yang menyumbang kepada kematian pada sijil tersebut, tamatkan temu bual tersebut, ucapkan terima kasih kepada waris / pemaklum bagi kerjasama mereka, dan teruskan ke seksyen 8.

8. ARAHAN SOALAN UNTUK BORANG SOAL-SELIDIK VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA (BAWAH 12 TAHUN) - eVA 02/2017 pindaan 01/2022

Nota kepada penemuramah: Helaian muka surat depan perlu dilengkapkan terlebih dahulu. Jika si mati berusia kurang daripada 12 tahun pada masa kematian, gunakan Borang Soal-selidik Verifikasi Penyebab Kematian di Malaysia (Bawah 12 Tahun) – VA 02/2017.

SEKSYEN 1: RESPON OPEN ENDED DAN KOMEN SERTA PEMERHATIAN PENEMURAMAH

Seksyen ini perlu diisi dan tidak boleh dibiarkan kosong.

Minta waris / pemaklum merumuskan penyakit yang membawa kepada kematian si mati. Tuliskan sebarang maklumat yang diberitahu oleh waris / pemaklum dengan menggunakan ayat mereka sendiri.

SEKSYEN 2: KEMATIAN KANAK-KANAK**BAHAGIAN INI PERLU DIISI UNTUK BUKAN STILLBIRTH, BAYI BERUMUR >28 HARI DAN KANAK-KANAK BERUMUR KURANG 12 TAHUN****2.1 Adakah _____ mengalami kecederaan atau kemalangan?**

“Kecederaan” ertinya kanak-kanak itu telah dcederakan oleh sesuatu di luar badan, seperti satu tamparan fizikal atau terjatuh. Ini termasuk kecederaan akibat kemalangan dan kemalangan yang disengajakan. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak tahu.

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” terus ke 2.4.

2.2 Apakah jenis kecederaan atau kemalangan tersebut?

Soalan ini bertujuan untuk mengetahui jenis kecederaan atau kemalangan tersebut. Benarkan waris / pemaklum untuk menjawab secara spontan. Jika waris / pemaklum mengalami kesulitan mengenalpasti kecederaan, sila baca senarai jawapan perlahan-lahan.

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Kemalangan jalan raya / kecederaan; 2. Jatuh; 3. Lemas; 4. Keracunan; 5. Gigitan atau sengatan haiwan berbisa; 6. Kebakaran; 7. Keganasan (bunuh diri, dibunuh, didera); 8. Lain- lain (nyatakan); 9. Tidak tahu

2.3 Berapa lama _____ dapat bertahan selepas kecederaan atau kemalangan?

Mengetahui berapa lama kanak-kanak itu terselamat selepas kecederaan atau kemalangan boleh membantu untuk menentukan punca kematian. Rekod bilangan jam atau hari atau 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu.

2.4 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ mengalami demam?

“Demam” ertinya bayi terasa panas apabila disentuh, atau suhu terlalu tinggi seperti yang diukur dengan termometer. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu.

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” terus ke 2.9.

2.5 Berapa lama _____ mengalami demam?

Soalan ini bertujuan untuk mengetahui betapa seriusnya demam tersebut. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Kurang dari 24 jam; 2. Rekod bilangan hari atau 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.6 Adakah demam panas berterusan sehingga _____ meninggal?

Demam tersebut mungkin menyumbang kepada punca kematian. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Jika jawapan adalah “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” terus ke soalan 2.9.

2.7 Bagaimanakah keadaan demam tersebut?

“Keterukan” demam bermakna berapa tinggi demam kanak-kanak itu. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ringan; 2. Sederhana; 3. Teruk; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.8 Bagaimanakah corak demam tersebut?

“Corak” demam bererti pada bila demam berlaku dan berapa lama ia berlangsung. Ini mungkin dapat membantu kami menentukan apa yang menyebabkan demam.

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Berterusan; 2. Sekali-sekala; 3. Hanya pada waktu malam; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.9 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ mengalami cirit birit lebih kerap daripada biasa?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” terus ke 2.15.

2.10 Pada hari yang paling teruk, berapa kalikah _____ mengalami cirit-birit?

Kekerapan cirit-birit boleh membantu kami mengetahui tahap keterukan keadaan ini. Tulis berapa kali episode cirit-birit atau 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu.

2.11 Berapa harikah sebelum kematian, cirit birit bermula?

la memberi maklumat sama ada masalah ini adalah sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Kurang daripada 24 jam; atau REKOD BILANGAN HARI atau 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Jika kurang daripada 24 jam, terus ke 2.15.

2.12 Adakah cirit-birit berterusan sehingga hari kematian?

la memberi maklumat sama ada masalah ini adalah sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Jika “Ya” teruskan ke 2.14.

2.13 Berapa lama tempoh masa sebelum kematian, _____ telah berhenti mengalami cirit birit?

Soalan ini membantu untuk mengetahui sama ada masalah ini adalah sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Kurang daripada 24 jam; atau 2. ___ hari.

2.14 Adakah terdapat darah pada najis cirit-birit tersebut?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.15 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah bayi mengalami batuk?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” terus ke 2.19.

2.16 Berapa harikah _____ batuk?

Soalan ini membantu untuk mengetahui betapa seriusnya ia. REKOD BILANGAN HARI atau 8.Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.17 Adakah batuk tersebut teruk?

“Teruk” bermaksud batuk yang sangat keras. Soalan ini membantu untuk mengetahui jenis penyakit yang dihadapi. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.18 Adakah _____ muntah selepas batuk?

Jika kanak-kanak mempunyai batuk yang teruk, dia mungkin muntah selepas batuk. Ini akan membantu kami memahami penyakit tersebut. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.19 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ mengalami kesukaran untuk bernafas?

“Sukar bernafas” bermaksud bayi itu bekerja lebih keras daripada biasa untuk bernafas. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke 2.21.

2.20 Berapa harikah, _____ mengalami kesukaran untuk bernafas?

Tempoh sukar bernafas boleh membantu memahami berapa teruk penyakit itu.

REKOD BILANGAN HARI atau 8.Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.21 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ bernafas dengan laju?

Soalan ini membantu untuk mengetahui sama ada masalah ini adalah sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke 2.23.

Catatan kepada penemuramah: Jika KEDUA-DUA 2.19 dan 2.21 adalah “Tidak”, teruskan ke 2.28.

2.22 Berapa harikah, _____ bernafas dengan laju?

Tempoh pernafasan laju boleh membantu memahami berapa teruk penyakit itu.

REKOD BILANGAN HARI atau 8.Enggan menjawab; 9. Tidak tahu.

2.23 Semasa mengalami penyakit yang membawa maut, adakah dinding dada _____ tertarik ke dalam?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.24 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah bunyi pernafasan _____ seperti yang berikut:

(Tunjukkan setiap bunyi)

“Stridor”

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Mendengus

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Semput/lelah

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.25 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ mengalami sawan?

“Sawan” adalah pergerakan tidak normal atau pergerakan tidak sengaja yang mungkin berlaku sama ada dalam keadaan rehat atau semasa pergerakan. Sawan boleh melibatkan seluruh badan atau sebahagian daripada badan. Sawan adalah kesentakkan yang tak terkawal dan kekejangan pada lengan dan kaki, kadang-kala menyebabkan keluarnya air kencing dan najis. Soalan ini membantu untuk mengetahui punca penyakit yang membawa kepada kematian.

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.26 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ tidak sedarkan diri?

“Tidak Responsif atau tidak sedarkan diri” ertinya bayi tidak dapat bertindak balas terhadap sebarang rangsangan seperti cahaya, bunyi atau sentuh. Kami meminta perkara ini kerana ia merupakan masalah yang serius yang mungkin membantu kami menentukan punca penyakit ini. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke 2.31.

2.27 Berapa lamakah sebelum kematian, _____ tidak sedarkan diri?

Ini boleh membantu dalam menentukan tempoh tidak sedarkan diri. Ini akan membantu kami mengetahui sama ada masalah ini adalah sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.< 6 jam; 2. 6-23 jam; 3. 24+ jam; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.28 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ mengalami kejang pada leher?

“Leher kejang” bermaksud leher bayi tidak boleh bergerak dengan cara normal. Soalan ini membantu untuk mengetahui punca penyakit ini.

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.29 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ mengalami bonjolan pada “ubun-ubun”

“Fontanelle” adalah tempat yang lembut ke arah depan kepala bayi. “Membonjol” bermaksud ia telah ditolak keluar dan tegang apabila bayi berada dalam kedudukan duduk.

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.30 Dalam sebulan sebelum meninggal, adakah _____ mengalami ruam pada kulit?

“Ruam” adalah mana-mana kulit tidak normal yang bukan luka atau lebam. Ia biasanya muncul sebagai koleksi bintik merah pada kulit atau kadang-kadang sebagai nodus merah atau tampalan pada kulit. Soalan ini membantu untuk mengetahui punca penyakit ini.

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke 2.38.

2.31 Di manakah ruam tersebut?

Adalah sangat penting untuk mengetahui di mana sebenarnya kedudukan ruam tersebut. Ini akan membantu menentukan punca ruam dan sama ada ia boleh menjadi sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian. Baca setiap pilihan perlahan-lahan satu per satu. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Muka; 2.Sekitar bibir/mulut; 3. Badan/abdomen; 5. Di mana-mana; 8. Enggan menjawab; 9.Tidak tahu

2.32 Dari manakah ruam bermula?

Ia adalah penting untuk mengetahui di mana sebenarnya ruam bermula. Ini akan membantu dalam menentukan punca ruam dan sama ada masalah ini adalah sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian.

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA:

1. Muka; 2. Sekitar bibir/mulut; 3. Badan/abdomen; 4. Kaki; 5. Di mana-mana; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.33 Berapa harikah _____ mengalami ruam?

Tempoh ruam akan membantu memberi maklumat sama ada masalah ini adalah sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian.

REKOD BILANGAN HARI atau 8. Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu

2.34 Adakah ruam tersebut mengandungi gelembung yang mengandungi cecair jernih?

Soalan ini membantu untuk mengetahui punca ruam dan sama ada masalah ini adalah sebahagian daripada penyakit yang membawa kepada kematian. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.35 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah anggota (kaki, tangan) _____ semakin mengecil dan kurus? (Tunjukkan gambar)

Soalan ini membantu untuk mengetahui sama ada kanak-kanak itu kekurangan zat makanan semasa penyakit ini dan sama ada kemungkinan ini menyumbang kepada kematian. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.36 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ mengalami bengkak kaki?

“Bengkak” ertinya kawasan yang telah gelembung lebih daripada biasa. Soalan ini membantu untuk mengetahui sama ada kanak-kanak itu kekurangan zat makanan yang mungkin menyumbang kepada penyakit ini. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke 2.41.

2.37 Berapa lamakah _____ mengalami bengkak kaki?

Maklumat tempoh bengkak dapat membantu kerana keadaan ini mungkin menyumbang kepada penyakit kanak-kanak tersebut.

TULIS BILANGAN HARI atau MINGGU, atau 8. Enggan menjawab; 9. Tidak Tahu

2.38 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah kulit _____ mengelupas secara bertompok?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.39 Adakah warna rambut _____ bertukar kemerah-merahan atau kekuning-kuningan?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.40 Adakah _____ mempunyai perut yang menonjol/buncit?

Perut menonjol adalah apabila saiz perut meningkat dengan ketara. Peningkatan dalam saiz adalah penting dalam kes-kes tertentu dan mudah dikenal pasti. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.41 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ menderita kerana “kekurangan darah” atau “kepuatan”?

“Pucat” ertinya bayi/kanak-kanak tiada mempunyai warna, terutamanya di muka. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.42 Semasa mengalami penyakit yang _____ membawa kematian, adakah _____ mengalami bengkak di bahagian ketiak/kelenjar?

“Bengkak” ertinya kawasan yang gelembung lebih daripada biasa. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1. Ya; 2. Tidak; 8. Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.43 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ mempunyai ruam putih di dalam mulut atau pada lidah?

Soalan ini membantu untuk menunjukkan kanak-kanak mempunyai jangkitan teruk yang mungkin menyebabkan kematian.

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9. Tidak tahu

2.44 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ mengalami pendarahan dari mana-mana bahagian badan?

Soalan ini ditanya kerana pendarahan spontan boleh menjadi masalah kesihatan yang serius. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9.Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke 2.49.

2.45 Rekodkan dari bahagian mana _____ mengalami pendarahan tersebut:

2.46 Semasa mengalami penyakit yang membawa kematian, adakah _____ mengalami sebahagian kulit yang bertukar menjadi warna hitam?

Soalan ini ditanya kerana ia mungkin menunjukkan kanak-kanak itu mengalami pendarahan dalam kulit, yang mungkin disebabkan oleh jangkitan dan menyebabkan kematian. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9.Tidak tahu

SEKSYEN 3: REKOD KESIHATAN

3.1 Adakah anda/penjaga mendapatkan rawatan semasa _____ mengalami penyakit tersebut?

Kanak-kanak memerlukan rawatan profesional untuk penyakit yang teruk. Soalan ini membantu untuk mengetahui rawatan luar yang diterima oleh kanak-kanak. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9.Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke Seksyen 4.

3.2 Di mana atau daripada siapa anda mendapatkan rawatan tersebut?

Rekod semua jawapan. Penemuramah boleh membacakan pilihan jawapan sehingga waris / pemaklum menjawab bahawa mereka tidak mendapatkan rawatan dari orang lain. TANDAKAN SEMUA YANG BERKENAAN: 1. Hospital kerajaan; 2. Lain-lain kemudahan kesihatan kerajaan; 3. Hospital / klinik swasta; 4. Pengamal tradisional; 5. Homeopati; 6. Tokoh agama; 7. Farmasi, penjual ubat, kedai, pasar; 8. Lain-lain; 9. Enggan menjawab; 10. Tidak tahu.

3.3 Rekodkan nama dan alamat hospital atau pusat kesihatan tersebut:

3.4 Adakah _____ mempunyai rekod kesihatan?

Adalah penting untuk mengetahui sama ada kanak-kanak tersebut mempunyai rekod kesihatan agar maklumat lanjut mengenai penyakitnya boleh diambil dari dokumen-dokumen tersebut. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9.Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke Seksyen 4.

3.5 Bolehkah saya melihat rekod kesihatan tersebut?

Adalah sangat penting untuk melihat rekod kesihatan. TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9.Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Enggan menjawab”, teruskan ke Seksyen 4.

Jika “Ya” dan waris / pemaklum membenarkan anda melihat rekod tersebut, tuliskan semua catatan tersebut.

3.6 Rekodkan tarikh dua lawatan yang paling terkini.

Tarikh akan memberikan maklumat bila kanak-kanak tersebut telah melawat pusat kesihatan.

REKOD TARIKH: hh/bb/tttt.

3.7 Rekodkan dua berat paling terkini pada tarikh- tarikh tersebut.

Sebarang perubahan dalam berat badan akan menjadi penunjuk penting status kesihatan anak itu sebelum kematian. REKOD BERAT: 1.gram _____ 2.gram _____

3.8 Rekodkan tarikh nota terakhir.

Tarikh akan mendedahkan bila anak itu dirawat di pusat kesihatan. REKOD TARIKH: hh/bb/tttt.

3.9 Salin/catat nota tersebut:

Tulis nota dengan betul sebagaimana ia tercatat pada rekod kesihatan.

3.10 Adakah sijil kematian dikeluarkan?

Adalah sangat penting untuk mengetahui sama ada sijil kematian telah dikeluarkan kerana punca kematian boleh diperolehi dari rekod ini.

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke soalan 3.17.

3.11 Bolehkah saya melihat sijil kematian tersebut?

Adalah penting untuk anda melihat dokumen itu jika anda mahu mendapatkan maklumat yang tepat.

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke soalan 3.17.

3.12 Rekodkan sebab kematian daripada sijil tersebut.

Ambil maklumat sebab-sebab kematian dari sijil kematian tersebut. Masukkan penyebab kematian dalam ruang yang disediakan.

Jika hanya terdapat satu punca kematian, terus ke soalan 3.17.

3.13 Rekodkan penyebab kematian (penyakit atau keadaan) daripada sijil tersebut.

Ini adalah punca langsung kematian dalam senarai sebab-sebab kematian pada sijil tersebut. Masukkan penyebab utama kematian dalam ruang yang disediakan.

Jika hanya terdapat satu penyebab kematian (penyakit atau keadaan), terus ke soalan 3.17.

3.14 Rekodkan penyebab kedua kematian (penyakit atau keadaan) daripada sijil tersebut.

Ini adalah penyebab pertama kematian dalam senarai sebab-sebab kematian pada sijil tersebut. Masukkan penyebab kedua kematian di ruang yang disediakan.

Jika hanya terdapat dua penyebab kematian (penyakit atau keadaan), terus ke soalan 3.17.

3.15 Rekodkan penyebab ketiga kematian (penyakit atau keadaan) daripada sijil tersebut.

Ini adalah penyebab kedua kematian dalam senarai sebab-sebab kematian pada sijil tersebut. Masukkan penyebab ketiga kematian di ruang yang disediakan.

Jika hanya terdapat tiga penyebab kematian (penyakit atau keadaan), terus ke soalan 3.17.

3.16 Rekodkan keadaan-keadaan lain yang menyumbang kepada kematian daripada sijil tersebut.

Ini adalah penyebab ketiga kematian dalam senarai sebab-sebab kematian pada sijil tersebut. Masukkan punca-punca yang menyumbang kematian dalam ruang yang disediakan.

3.17 Adakah ibu kandung bayi/kanak-kanak pernah membuat pemeriksaan “HIV”?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9.Tidak tahu

Jika “Tidak” atau “Tidak tahu” atau “Enggan menjawab” teruskan ke soalan 3.19.

3.18 Adakah hasil pemeriksaan tersebut positif?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9.Tidak tahu

3.19 Adakah ibu kandung bayi/kanak-kanak pernah diberitahu bahawa menghidap “AIDS” oleh pekerja kesihatan?

TANDAKAN SATU PILIHAN JAWAPAN SAHAJA: 1.Ya; 2.Tidak; 8.Enggan menjawab; 9.Tidak tahu

TAMAT

GLOSARI ISTILAH

Panggil balik – cubaan kedua atau ketiga penemuramah bagi menjalankan temuramah dengan waris / pemaklum yang sesuai.

Kerahsiaan - Kerahsiaan adalah jaminan bahawa waris / pemaklum memberi maklumat kepada kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Kesihatan Daerah tidak akan mendedahkannya kepada orang lain.

Tempoh - Untuk semua tanda-tanda atau gejala-gejala yang tidak dikaitkan dengan keadaan sebelum didiagnosis, dan juga tidak berkaitan dengan kecederaan, “tempoh” ditakrifkan sebagai tempoh bermula penampakan tanda / gejala tertentu sehingga pemberhentian gejala yang, tanpa mengira kehadiran tanda / gejala pada masa kematian, dan tidak kira sama ada tanda / gejala muncul sebentar-sebentar. Sebagai contoh, jika seorang wanita mula mengalami demam 10 hari sebelum kematian, tetapi dia tidak lagi mengalami demam dua hari sebelum kematiannya, tempoh demam itu akan menjadi lapan hari, walaupun dia tidak mempunyai demam bagi setiap dan tiap-tiap satu dari lapan hari tersebut.

Ketua isi rumah – Ketua isi rumah adalah orang yang membuat keputusan untuk isi rumah pada setiap hari dan yang bermastautin tetap di rumah tersebut (menghabiskan sekurang-kurangnya enam bulan daripada setahun di rumah). Jika isi rumah melaporkan seseorang yang menghabiskan majoriti masa jauh dari rumah, jadikan pasangan sulung daripada orang tersebut sebagai ketua isi rumah. Jika tidak ada pasangan, jadikan ahli keluarga sulung sebagai ketua, selagi orang ini adalah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun. Jika tidak ada

ahli keluarga berumur 18 tahun atau lebih, kemudian jadikan anak sulung bukan ahli keluarga sebagai ketua selagi dia adalah 18 tahun atau lebih. Jika tidak ada ahli keluarga tetap sekurang-kurangnya 18 tahun, jadikan saudara sulung atau pemastautin sebagai ketua.

Isi rumah – Isi rumah adalah apa-apa perkiraan di mana seorang atau lebih membuat peruntukan yang sama untuk makanan mereka sendiri atau keperluan lain untuk hidup. Mereka ini mungkin mempunyai bajet yang sama, bersaudara atau bukan, atau gabungan. Mungkin terdapat lebih daripada satu isi rumah dalam unit perumahan. Pendek kata, isi rumah ditakrifkan sebagai satu kumpulan manusia yang “makan dari periuk yang sama.”

Waris / pemaklum - Ini adalah orang dewasa yang ditemubual, yang biasanya bermastautin di rumah. Waris / pemaklum mestilah seseorang yang dapat memberikan maklumat yang boleh dipercayai dan tepat mengenai ahli-ahli isi rumah. Dalam kes kematian dalam keluarga, waris / pemaklum dapat memberikan maklumat tentang keadaan yang membawa kepada kematian. Sebaik-baiknya, waris / pemaklum untuk temuramah adalah merupakan orang yang mengambil berat/menjaga si mati dalam tempoh sakit. Waris / pemaklum mungkin disenaraikan mengikut keutamaan:

- Penjaga utama si mati dalam tempoh sebelum kematian
- Ketua isi rumah
- Pasangan ketua isi rumah
- Ibu bapa, terutamanya jika si mati adalah seorang kanak-kanak
- Ahli keluarga sulung yang ada, sekurang-kurangnya 18 tahun atau lebih
- Bukan ahli keluarga sekurang-kurangnya 18 tahun atau lebih tua
- Jiran ketua rumah atau pasangan.

Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan –

Ini adalah sistem yang digunakan untuk mengumpul maklumat (menggunakan borang khas) daripada saudara-mara / penjaga orang yang telah mati. Proses ini melibatkan menemuramah saudara-mara atau penjaga si mati mengenai pengetahuan mereka tentang gejala-gejala, tanda-tanda, dan keadaan yang membawa kepada kematian. Maklumat yang dikumpul digunakan untuk mencari penyebab kematian bagi setiap kematian yang dilaporkan.

Instrumen Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan - ini adalah borang yang digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai sejarah penyakit si mati dan kehadiran tanda-tanda dan gejala. Borang tersebut adalah untuk dilengkapkan oleh penemuramah semasa temuramah. Terdapat dua jenis borang soal selidik yang digunakan dalam projek ini iaitu:

1. Borang Soal Selidik Verifikasi Penyebab Kematian Di Malaysia (Atas 12 Tahun) – eVA 01/2017
2. Borang Soal Selidik Verifikasi Penyebab Kematian Di Malaysia (Bawah 12 Tahun) – eVA 02/2017 pindaan 01/2022


Penemuramah Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan- Ini adalah orang yang bertanggungjawab untuk menjalankan temuramah dengan ahli-ahli keluarga si mati dalam isi rumah. Penemuramah harus berpengetahuan tentang kawasan di mana dia ditugaskan. Penemuramah Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan mestilah diterima oleh masyarakat di mana dia bekerja. Antara keperluan penemuramah adalah termasuk keupayaan untuk bertutur dalam dialek kawasan di mana dia ditugaskan.

Manual Penemuramah Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan - Manual Penemuramah Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan mengandungi maklumat tentang perkara-perkara yang diperlukan oleh penemuramah dalam melakukan kerja masing-masing.


LAMPIRAN

- LAMPIRAN 1 : Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 6/2017
 LAMPIRAN 2 : Surat pemakluman temuramah Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan boleh dijalankan secara panggilan telefon

LAMPIRAN 1



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
 Kementerian Kesihatan Malaysia
 Aras 12, Blok E7, Kompleks E
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62590 PUTRAJAYA



Tel. : 03-8883 2545
 Faks : 03-8889 5542
 Web : anhisam@moh.gov.my

Rujukan: KKM-600-29/5/14 Jld 2 (62)
 Tarikh : 6 Sept 2017

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 6/2017
PELAKSANAAN SISTEM VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG
TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan arahan pelaksanaan sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan bagi tujuan meningkatkan peratus kematian yang di sahkan secara perubatan di Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Sesuai dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju, statistik sebenar kematian yang disahkan secara perubatan adalah penting. Ini adalah untuk membolehkan Malaysia mengenalpasti kadar kematian sebenar yang diakibatkan oleh penyakit-penyakit tertentu di negara ini. Statistik ini juga diperlukan bagi tujuan pemantauan indikator penyakit tertentu seperti penyakit-penyakit kronik di peringkat kebangsaan dan global, sebagai contoh, *Global NCD Targets*.

LAMPIRAN 1

Berdasarkan laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bagi tahun 2014, sebanyak 48.5% kematian direkodkan sebagai *non-medically certified death* dan daripada peratusan tersebut hampir 60% telah dinyatakan sebab kematian sebagai 'sakit tua'. Laporan DOSM menunjukkan bahawa 51.5% kematian adalah disahkan secara perubatan.

2.2 Objektif pelaksanaan sistem ini adalah untuk meningkatkan peratus kematian disahkan secara perubatan di Malaysia daripada 51.5% (2014) ke arah 80.0% pada tahun 2025.

2.3 Pelaksanaan sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan ini adalah dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Perangkaan Negara (DOSM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

3. TINDAKAN

Semua Pengarah Kesihatan Negeri / Wilayah Persekutuan, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) dan Pengarah Bahagian Perancangan perlu memastikan verifikasi data penyebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan.

4. PELAKSANAAN

Panduan pelaksanaan adalah berpandukan Panduan dan Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di Malaysia, Manual Penemuramah Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan dan *Manual for Cause of Death Assignment*.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Pelaksanaan pekeliling ini adalah berkuatkuasa bermula dari tarikh surat ini dikeluarkan.

LAMPIRAN 1**6. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan hendaklah diajukan kepada :


Pengarah Kawalan Penyakit
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya.

No Telefon : 03 88834419
No Faksimili : 03 88830643


Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Yang Ikhlas


(DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

LAMPIRAN 2



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
[OFFICE OF THE DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF HEALTH (PUBLIC HEALTH)]
DEPARTMENT OF PUBLIC HEALTH
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA]
ARAS 8, BLOK E10, KOMPLEKS E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA, MALAYSIA.



No. Tel : 03-8090 8000
No. Fax : 03-8883 4030

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/5/49 (44)
Tarikh : 27-November 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,


PEMAKLUMAN PELAKSANAAN SIASATAN (TEMURAMAH) MELALUI PANGGILAN TELEFON DIJADIKAN SEBAGAI KAEDAH UTAMA DAN FACE-TO-FACE INTERVIEW DIJADIKAN SEBAGAI KAEDAH KOMPLIMENTARI DALAM MENJALANKAN VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN (VERBAL AUTOPSY) DI MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, *Verbal Autopsy* (VA) yang dilaksanakan sejak 1 Oktober 2017 di negara ini memerlukan siasatan (temuramah) dijalankan dengan menemui waris di rumah menggunakan soal-selidik WHO yang diadaptasi dan divalidasi untuk kegunaan di Malaysia. Tujuan VA dilaksanakan di Malaysia adalah untuk menambahbaik peratus kematian yang disahkan secara perubatan (MCD), menambahbaik statistik penyebab kematian di Malaysia dan mendapatkan maklumat kematian pramatang akibat NCD yang merupakan salah satu indikator *NCD Global Target* pada tahun 2025 dan *Sustainable Development Goals* (SDG) pada tahun 2030.

3. Memandangkan wujud kekangan untuk bertemu waris di rumah akibat Pandemik COVID-19 yang berlaku dan situasi pandemik Covid19 yang masih belum pulih di negara ini, Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil keputusan untuk menjadikan kaedah temuramah menggunakan telefon dijadikan sebagai kaedah utama dan temuramah secara *face-to-face* dijadikan sebagai kaedah komplementari.

4. Keputusan ini diambil berpandukan hasil *mini-survey* yang dilaksanakan semasa tempoh Perintah kawalan Pergerakan pada 18/3/2020 hingga 10/6/2020 yang lalu. Peningkatan jumlah kes VA yang tidak dapat disiasat akibat situasi pandemik Covid 19 serta kekangan yang sedia ada



(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)
(Please quote our reference number while replying)

LAMPIRAN 2

seperti alamat rumah si mati tidak lengkap dan rumah tidak ditemui secara langsung akan menjejaskan statistik sebab kematian di Malaysia.


5. Temuramah melalui telefon perlu diadakan menggunakan telefon Jabatan pada waktu bekerja dan kes-kes yang tiada nombor telefon dibekalkan, temuramah perlu diadakan secara *face-to-face* dengan menemui waris di rumah.

6. Sehubungan dengan itu, kerjasama dari pihak YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan VA yang berkualiti tetap dilaksanakan di negeri di bawah jagaan YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Dr Nor Saleha Ibrahim Tamin melalui emel dnorsaleha@moh.gov.my atau ditalian 03-88824411 / 012-2059554. Segala kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan, didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

